



20 Mei 2014
20 May 2014
P.U. (A) 131

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERINTAH KILANG DAN JENTERA
(PENGECUALIAN KEPADA PETRONAS GAS BERHAD
BAGI LOJI MEMPROSES GAS 5, KOMPLEKS B,
PAKA, TERENGGANU) 2014

*FACTORIES AND MACHINERY
(EXEMPTION TO PETRONAS GAS BERHAD
FOR GAS PROCESSING PLANT 5, COMPLEX B,
PAKA, TERENGGANU) ORDER 2014*



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA KILANG DAN JENTERA 1967

PERINTAH KILANG DAN JENTERA (PENGECUALIAN KEPADA PETRONAS GAS BERHAD
BAGI LOJI MEMPROSES GAS 5, KOMPLEKS B, PAKA, TERENGGANU) 2014

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 55(3) Akta Kilang dan Jentera 1967 [*Akta 139*], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama

1. Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Kilang dan Jentera (Pengecualian kepada Petronas Gas Berhad bagi Loji Memproses Gas 5, Kompleks B, Paka, Terengganu) 2014**.

Pengecualian

2. Semua jentera yang didaftarkan dengan Ketua Pemeriksa, dengan nombor pendaftaran dan perihalan yang dinyatakan dalam ruang (1) dan (2) Jadual, atas nama Petronas Gas Berhad bagi Loji Memproses Gas 5, Kompleks B, Paka, Terengganu, yang telah dikeluarkan perakuan kelayakan, adalah dikecualikan daripada persediaan yang dikehendaki di bawah perenggan 17(*b*) Peraturan-Peraturan (Pemberitahu, Perakuan Kelayakan dan Pemeriksaan) Kilang dan Jentera 1970 [*P.U. (A) 43/1970*] bagi pemeriksaan ulangan yang berikutnya selepas habis tempoh perakuan kelayakan itu sebagaimana yang dinyatakan dalam ruang (3) Jadual.

Syarat pengecualian

3. Pengecualian di bawah perenggan 2 tertakluk kepada syarat bahawa semua jentera yang dinyatakan dalam Jadual menjalani pemeriksaan luaran dan ujian tanpa musnah, dan Pemeriksa berpuas hati dengan keputusan pemeriksaan dan ujian itu.